

08 MAY 2003

Taib-Bintulu/I

SARAWAK BEKERJASAMA RAPAT DENGAN PUSAT UNTUK CAPAI WAWASAN 2020

BINTULU, 8 Mei (Bernama) -- Kerajaan Sarawak akan bekerjasama rapat dengan kerajaan pusat untuk menjayakan Wawasan 2020, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau berkata selain mampu menjadikan Malaysia negara maju, hubungan sedemikian akan memesatkan lagi pembangunan Bintulu, bandar yang menempatkan kompleks MLNG3 berharga RM16.6 bilion yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Abdul Taib berkata beliau yakin dengan siapnya Projek Elektrik Hidro Bakun (BHEP) berharga RM9 bilion dan loji aluminium berharga RM7.6 bilion di Similajau, pertumbuhan Bintulu akan menjadi lebih rancak.

"Saya ingin ucap terima kasih kepada kerajaan pusat, khususnya Petronas, kerana membawa pembangunan ke Bintulu, yang sebelum ini hanya merupakan perkampungan kecil nelayan dengan 5,000 orang penduduk hingga menjadi pusat minyak dan gas yang kini mempunyai 150,000 penduduk," katanya.

Abdul Taib berkata dengan kewujudan beberapa projek mega, Bintulu kini memerlukan banyak tenaga mahir termasuk dalam bidang teknikal dan pengurusan.

Katanya rakyat Sarawak yang bekerja di luar negara dan memiliki kepakaran dalam bidang teknikal kini boleh kembali bekerja di Bintulu.

Mengulas peranan Petronas dalam memajukan Sarawak, beliau berkata syarikat itu telah banyak berjasa dalam membangunkan tenaga kerja teknikal di negeri itu.

Abdul Taib berkata syarikat itu telah membantu menjadikan Bintulu sebuah daripada pusat industri dan perdagangan di Malaysia.

Mengenai penyertaan penduduk tempatan pula, Abdul Taib berkata mereka perlu mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran yang datang bersama kepesatan pembangunan.

--BERNAMA

FLL NT SP MAI